

Anugerah Kecemerlangan

Pencalonan Kecemerlangan Kelab TaHa 2015 kini dibuka. Anugerah dibahagikan mengikut tiga kategori peperiksaan iaitu UPSR, PT3 dan SPM adalah terbuka kepada pelajar cemerlang yang menduduki peperiksaan berkenaan pada tahun 2014. Calon-calon mestilah memperoleh pencapaian 5A untuk UPSR, 8A untuk PT3 dan 9A untuk SPM. Hanya pelajar yang telah menjadi ahli Kelab TaHa sekurang-kurangnya pada tahun 2014 sahaja layak dicalonkan untuk menerima anugerah ini.



Selain cemerlang akademik, pelajar juga mestilah menunjukkan sahsiah terpuji, aktif dalam kegiatan kokurikulum dan menyertai program Kelab TaHa serta aktif menabung dalam Tabung Haji. Hanya 100 orang pelajar cemerlang (50 orang pelajar UPSR, 30 orang pelajar PT3 dan 20 orang pelajar SPM) akan dipilih untuk menerima wang tunai, trofi dan sijil penghargaan.

SYARAT DAN PERATURAN:

1. Pelajar cemerlang untuk anugerah ini mestilah telah menjadi ahli Kelab TaHa sekurang-kurangnya pada tahun 2014.
2. Pelajar perlu melengkapkan borang permohonan yang boleh dimuat turun melalui laman web **TH** atau diperoleh di mana-mana pejabat **TH** yang berhampiran.
3. Pelajar juga perlu melengkapkan slogan di dalam borang penyertaan.
4. Pelajar dikehendaki menyertakan salinan kad pengenalan, sijil/slip peperiksaan UPSR/PT3/SPM, sijil kegiatan kokurikulum, sijil penyertaan program Kelab TaHa yang pernah disertai serta nombor keahlian Kelab TaHa.
5. **Anak-anak anggota TH TIDAK LAYAK** menyertai pencalonan anugerah ini.
6. Borang-borang yang tidak lengkap, tidak jelas, tidak mematuhi syarat dan peraturan akan dibatalkan penyertaannya.
7. Borang yang telah lengkap berserta dengan salinan sijil yang dinyatakan dalam perkara 4 di atas mesti sampai pada atau sebelum **15 Mei 2015 (Jumaat)**.
8. Bukti penghantaran tidak dianggap sebagai bukti penerimaan.
9. Keputusan penganjur adalah muktamad. Segala bantahan atau rayuan dalam apa jua bentuk tidak akan dilayan.

BORANG PENYERTAAN

Tandakan kategori penyertaan:

UPSR

PT3

SPM

Sertakan salinan dokumen berikut:-

- * Kad Pengenalan/Sijil Kelahiran
- * Sijil keputusan UPSR/PT3/SPM
- * Sijil Kokurikulum
- * Sijil Penyertaan Program Kelab TaHa

**semua salinan sijil perlu disahkan oleh Guru Besar/Pengetua*

Hantarkan penyertaan ke alamat:

ANUGERAH KECEMERLANGAN KELAB TaHa 2015

Tabung Haji Contact Centre (THCC)

Tingkat 15, Plaza VADS, No.1 Jalan Tun Mohd Fuad,

Taman Tun Dr Ismail, 60000 Kuala Lumpur

Hubungi THCC: **6207 1919** (tel) **7728 4959** (fax) **th-info@lth.gov.my** (emel)

Nama: _____

Umur: _____ No.KP/Sijil Lahir: _____

No. Ahli Kelab TaHa: _____ No. Telefon/Bimbit: _____

Alamat Surat-Menyurat: _____

Nama dan Alamat Sekolah: _____

No. Tel: _____

Lengkapkan slogan:

Saya sukakan Kelab TaHa kerana

